☑ KOSMO
Tarikh: 8 MEI 2012
Hari: SELASA M/S: 16
Ruangan: NEGERI

Boleh berjimat sehingga 30 peratus membeli barangan keperluan

Kad diskaun khas untuk pelajar IPT

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida.idros@kosmo.com.my

SINTOK – Kira-kira 1.4 juta pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) berpeluang mendapatkan pelbagai barangan dengan harga diskaun sehingga 30 peratus menerusi penggunaan kad diskaun pelajar yang bakal diperkenalkan pada Jun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kad yang menawarkan diskaun antara 10 peratus hingga 30 peratus itu diberikan secara percuma kepada semua pelajar IPT secara berperingkat.

"Kita akan beri kad ini kepada penuntut IPT tahun akhir dahulu sebelum diikuti pelajar tahun dua dan satu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia (UUM) 2012 di UUM di sini semalam.

Pada majlis itu, Ismail Sabri turut melancarkan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) peringkat negeri Kedah dan Menu Rakyat 1Malaysia UUM.

Menurut beliau, dengan adanya kad tersebut, para mahasiswa boleh berbelanja di semua premis melibatkan lebih 20 syarikat menjual produk seperti buku, alat tulis, cermin mata serta di restoran makanan segera dan pusat kecantikan dengan harga rendah.

"Buat masa ini, sebanyak 17 syarikat telah mengesahkan untuk menyertai skim kad diskaun ini dan perbincangan masih dijalankan dengan beberapa syarikat lagi termasuk syarikat pengangkutan seperti MASWings," ujarnya.

Kata Ismail Sabri, keseluruh mahasiswa IPT awam dan swasta, kolej komuniti dan institut pendidikan guru layak mendapatkan kad diskaun itu kecuali penuntut antarabangsa.

"Bagi yang layak, kita galakkan untuk membuka akaun simpanan dengan Bank Rakyat kerana kad diskaun yang dikeluarkan oleh bank itu juga boleh digunakan sebagai kad debit," jelasnya.

Tambah beliau, mahasiswa diminta menggunakan kad diskaun tersebut dengan sebaiknya kerana ia diperkenalkan untuk meringankan beban mereka ketika berbelanja.

ISMAIL SABRI (kanan) bersama Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Mohamed Mustafa (tengah) melawat gerai pameran selepas merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UUM di Sintok semalam.